

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HJ. SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

YB. Dato' Abd. Aziz bin Hj. Sheikh Fadzir minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan Program *Volunteer Tourism* merupakan satu program pelancongan yang dapat mendekati kehidupan rakyat sesuatu kawasan. Apakah Kementerian bercadang untuk memperkembangkan program ini di peringkat lebih tinggi dan apakah langkah-langkah yang dapat diambil bagi menarik pelancong luar negara ke Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Program **1Malaysia Voluntourism** dimana program ini merupakan salah satu inisiatif dibawah **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** atau **NBOS**. *Volunteer Tourism* atau *Voluntourism* ini secara umum bermaksud melaksanakan aktiviti sukarelawan secara santai bagi tujuan memelihara serta menjaga kebersihan dan kehijauan alam sekitar khususnya di kawasan pelancongan. Selain itu, ia juga merujuk kepada percutian yang disertai dengan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan yang mensasarkan penglibatan rakyat Malaysia dan juga pelancong asing. Ia merupakan salah satu usaha murni pihak kerajaan untuk menggalakkan penglibatan rakyat Malaysia dan pelancong asing dalam aktiviti kesukarelawan bagi bersama-sama membangunkan industri pelancongan negara khususnya dalam menyambut **Tahun Melawat Malaysia 2014**. **1Malaysia Voluntourism** terdiri daripada (5) program utama iaitu **1Malaysia Green, 1Malaysia Clean (1MG1MC), 1Malaysia Voluntutoring, 1Malaysia Volunsharing, 1Malaysia Culture and Heritage** dan **1Malaysia Event**.

Program-program Voluntourism ini juga lebih tertumpu di kawasan-kawasan tumpuan pelancong seperti pantai, taman, pusat rekreasi, pusat konservasi haiwan dan termasuk juga Homestay yang terletak di kawasan luar bandar. Penganjuran pelbagai program sukarelawan di kawasan luar bandar ini bukan sahaja dapat menggerakkan sukarelawan untuk

melaksanakan aktiviti berkaitan kebersihan dan kehijauan di tempat pelancongan, malah secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran mereka untuk menghargai tempat-tempat pelancongan sedia ada di negara kita. Para sukarelawan ini dapat membantu menyampaikan maklumat tempat-tempat pelancongan yang mereka lawati ini kepada rakan-rakan serta komuniti masing-masing sama ada melalui lisan (*word of mouth*) mahupun perkongsian melalui media sosial.

Dalam usaha mempromosikan program Voluntourism ke peringkat yang lebih tinggi, KPK telah membangunkan Pakej Voluntourism yang telah dilancarkan pada 6 September 2013. Sebanyak 20 jenis pakej Voluntourism telah ditawarkan dan *booklet* pakej Voluntourism ini turut diedarkan di semua 44 buah Pejabat Pelancongan luar negara bagi tujuan promosi.

Selain daripada itu, Kementerian melalui Tourism Malaysia juga turut menyediakan pakej pelancongan homestay yang rata-rata terletak di kawasan perkampungan dan luar bandar. Bagi memberi nilai tambah kepada pakej homestay sedia ada, Kementerian turut membangunkan Pakej Pelancongan Keretapi yang melibatkan pengusaha Homestay di kawasan luar bandar sebagai tarikan utama pelancong luar negara ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.